



# BUKU PANDUAN UMRAH

[WWW.OMRAHTRAVEL.COM](http://WWW.OMRAHTRAVEL.COM)

# Cara Melakukan Umrah



1. Apabila anda telah sampai di miqat, anda disunatkan membersihkan diri, mandi dan mengenakan wangian pada tubuh anda dan bukannya pada pakaian ihram. Kemudian, pakailah pakaian ihram (dua helai kain untuk lelaki) dan yang afdalnya adalah kain berwarna putih.

## Syarat Pakaian Wanita:

Kaum wanita berihram dengan memakai apa sahaja pakaian yang sukainya dengan syarat tidak ketat mahupun jarang, tidak menampakkan perhiasan, tidak menyerupai pakaian lelaki dan tidak menyerupai pakaian orang kafir.

Kemudian, berniat ihram untuk umrah serta mengucapkan: “Labbaika Umrah”

لَبَّيْكَ عُمْرَةً

“Ku menyahut seruan-Mu untuk melaksanakan umrah.” (HR. Muslim, no. 1254)



Kemudian, ucaplah talbiyah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ, لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ, إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

“Ku sambut seruan-Mu ya Allah, ku sambut seruan-Mu. Ku sambut seruan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu, ku sambut seruan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat dan kerajaan adalah milik-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.” (HR. Al-Bukhari, no. 1549)

Disunatkan bagi kaum lelaki menguatkan suara ketika bertalbiyah, tetapi tidak bagi kaum wanita.

Kemudian perbanyakkanlah bertalbiyah, berzikir dan beristighfar.

2. Apabila anda telah sampai di Makkah, berhenti bertalbiyah dan lakukanlah tawaf di Ka'bah sebanyak tujuh pusingan bermula daripada Hajar Aswad sambil bertakbir pada permulaannya dan berakhir di Hajar Aswad juga.

Ketika tawaf bacalah zikir serta doa yang anda kehendaki dan disunatkan membaca pada setiap pusingan di antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad.

“Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta lindungilah kami daripada azab neraka.” (Al-Baqarah: 201)

Setelah selesai melakukan tawaf, lakukan solat sunat tawaf dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim walaupun agak jauh daripada tempat tersebut jika mampu. Sekiranya ia menyusahkan, lakukanlah di mana-mana tempat di dalam masjid.





Semasa tawaf, disunatkan bagi orang lelaki berittiba', iaitu meletakkan kain ihram di bawah ketiak kanan dan hujungnya di atas bahu kiri.

Disunatkan juga raml pada tiga pusingan awal. Raml ialah: berjalan cepat dengan langkah yang sempit (berlari-lari anak).

3. Kemudian keluarlah menuju ke Safa dan naik ke atasnya sambil membaca firman Allah subhanahu wa ta'ala:

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوِ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ﴾

“Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syiar (tempat beribadah kepada) Allah. Maka sesiapa yang menunaikan ibadah haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa'ie antara keduanya. Dan sesiapa yang mengerjakan suatu kebaikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah: 158)



Kemudian, menghadaplah ke arah Ka'bah serta membaca tahmid (memuji Allah) dan bertakbir sebanyak tiga kali sambil mengangkat tangan seperti dalam keadaan berdoa. Kemudian berdoalah serta ulangilah sebanyak tiga kali seperti yang dilakukan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam. Kemudian, ucapkanlah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
أَنْجَزَ وَعَدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

“Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, hanya bagi-Nya segala pujian. Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, yang menepati janji-Nya, memenangkan hamba-Nya dan menghancurkan golongan kafir, tanpa dibantu oleh sesiapa pun.” (HR. Al-Bukhari, no. 2995)

Dibaca sebanyak tiga kali. Jika dibaca sebahagian daripadanya pun tidak mengapa.

Kemudian, turunlah (dari Bukit Safa) dan lakukan sa'ie umrah sebanyak tujuh pusingan dengan berjalan cepat di antara dua tanda hijau dan berjalan biasa sebelum dan selepas tanda tersebut. Kemudian, naiklah ke atas Bukit Marwah, bacalah tahmid dan bacaan yang telah anda baca di Bukit Safa.

\*Dalam tawaf atau sa'ie tidak ada zikir khusus yang wajib dibaca, tetapi bacalah zikir, doa atau Al-Quran sekadar yang boleh dengan mengutamakan zikir dan doa yang bersumberkan dari Sunnah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam.

4. Apabila anda telah selesai mengerjakan sa'ie, cukur atau guntinglah rambut anda. Dengan demikian, selesailah umrah anda dan semua larangan semasa ihram sudah tiada lagi.

Sekiranya anda melakukan Haji Tamattu', maka yang afdal bagi anda ialah bergunting agar anda dapat bercukur semasa tahallul haji nanti.


Apabila anda melakukan Haji Tamattu' atau Qiran, maka anda wajib menyembelih haiwan hadyu (dam) pada Hari Nahar (Hari Raya) sama ada seekor kambing atau sepertujuh daripada unta atau lembu. Sekiranya anda tidak mampu berbuat demikian (dari segi kewangan, atau tidak terdapat haiwan), maka berpuasalah selama sepuluh hari, iaitu tiga hari semasa haji dan tujuh hari bakinya setelah kembali ke tanah air.

Adalah lebih afdal sekiranya puasa itu ditunaikan sebelum Hari Arafah (wuquf), tetapi sekiranya ia dilakukan selepas Hari Raya, iaitu pada hari Tasyriq (hari 11, 12 dan 13 Zulhijjah) tidak menjadi kesalahan.





# RINGKASAN CARA MENERJAKAN UMRAH





# RINGKASAN CARA MENGERJAKAN UMRAH

